RINGGIT


EDISI DIS 2017

RAKAN KEWANGAN ANDA

PP 16897/05/2011 (029495)



Instrumen Menyediakan Wasiat



Kos Untuk Pembiayaan Anak-Anak



Kesilapan Dalam Pelaburan Yang Perlu Dielak

Membeli Rumah Lelong

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Anda Ingin Beli Rumah Lelong?



Sejak kebelakangan ini, hartanah lelong menjadi pilihan utama bagi mereka yang mencari rumah pertama untuk dimiliki. Jika anda juga berhasrat untuk membeli hartanah yang dilelong, ketahui dahulu perkara penting supaya anda tidak mengalami kerugian.

Senarai Semak Sebelum Membeli Rumah yang Dilelong

Walaupun anda memperoleh rumah yang berharga rendah apabila membeli rumah yang dilelong, namun anda perlu berhati-hati kerana membeli rumah lelong juga mempunyai risikonya.

Berikut adalah senarai semak yang perlu anda beri perhatian. Membeli rumah mungkin suatu perkara yang anda lakukan sekali seumur hidup. Anda perlu melakukan senarai semak ini terlebih dahulu untuk memastikan proses pembelian berjalan lancar.

1. Periksa keadaan rumah

Salah satu risiko terbesar rumah yang dilelong ialah pembida tidak dapat mengetahui susun atur dalaman rumah tersebut. Oleh itu, pembida mungkin tidak mengetahui keadaan rumah yang bakal dibida.

Pemeriksaan dan kajian mendalam terhadap rumah yang bakal dibeli merupakan suatu langkah yang amat penting. Walaupun anda mungkin tidak dapat melihat susun atur dalaman rumah, masih banyak faktor lain yang anda boleh beri perhatian sebelum membida rumah tersebut. Contohnya, lokasi rumah (sama ada di simpang jalan yang sibuk, berdekatan dengan pencawang elektrik atau pusat rawatan kumbahan) serta kawasan kejiranan tersebut.

2. Kaveat

Kaveat *(caveat)* berasal dari bahasa Latin yang bermaksud *'memberi amaran kepada seseorang'.* Dari sudut hartanah, kaveat merupakan langkah sementara untuk melindungi hak hartanah tersebut. Kaveat persendirian bertujuan untuk melindungi hak individu di bawah perjanjian jual beli buat sementara waktu, dengan jangkaan tindakan undang-undang diambil selepas mendaftar kaveat tersebut. Jadi, kaveat akan menjadi penghalang kepada mana-mana proses, dari pendaftaran hinggalah ke pertukaran nama pemilik sewaktu kaveat ini berkuat kuasa.

Rumah yang dilelong berpotensi untuk memiliki kaveat persendirian. Jika hal ini berlaku, walaupun anda telah memenangi bidaan untuk membeli rumah tersebut, anda masih lagi perlu mencabar pihak ketiga (yang mendaftar kaveat persendirian). Ini kerana kaveat persendirian hanya boleh dibatalkan oleh:

- Pengkaveat (individu yang mendaftar kaveat)
- Pendaftar
- Perintah mahkamah

Permohonan untuk membatalkan kaveat melalui perintah mahkamah boleh dibuat oleh pihak yang terganggu dengan kewujudan kaveat ini. Dalam kes ini, pembeli rumah lelong yang memiliki kaveat persendirian.

Selain itu, rumah lelong yang memiliki kaveat persendirian juga bermakna anda tidak boleh membiaya pembelian rumah tersebut dengan pinjaman perumahan. Hal ini berlaku kerana bank tidak akan meluluskan pinjaman

jika adanya kaveat persendirian didaftarkan untuk sesebuah hartanah. Jika anda membeli dengan pembiayaan bank, anda dinasihatkan supaya tidak membida rumah lelong yang memiliki kaveat.

Malah, walaupun anda boleh menang bidaan dan mampu membayar nilai hartanah tersebut, anda masih lagi perlu ke mahkamah untuk mendapatkan perintah ke atas pihak ketiga bagi membatalkan kaveat tersebut. Proses ini akan menelan kos serta masa yang lama.

Jadi, sebelum membida, dapatkan pengisytiharan jualan dan carian hak milik hartanah. Maklumat ini boleh didapati daripada ejen bidaan, dan bakal membantu pembida dengan maklumat tambahan, termasuklah mengenai status kaveat. Maklumat seperti alamat rumah juga akan membolehkan pembida untuk pergi meninjau kawasan perumahan tersebut. Sedikit sebanyak anda mempunyai gambaran tentang persekitaran rumah meskipun anda tidak dapat masuk ke dalam rumah yang dibida.

3. Pemaju

Salah satu maklumat yang perlu anda selidik sebelum membida rumah ialah pemaju hartanah tersebut. Jika nama hartanah masih di bawah nama pemaju, pembida perlu memeriksa sama ada syarikat pemaju masih lagi wujud ataupun tidak. Ingat, terma dan syarat kontrak pembidaan perlulah dibaca dan difahami dengan teliti. Jika pemaju muflis dan syarikatnya telah dilikuidasi, pemindahan hak milik kepada nama anda selepas memenangi bidaan bakal menjadi rumit.

4. Jenis pegangan hak milik: Hak milik pajakan atau hak milik kekal

Akhir sekali, ketahui juga jenis pegangan hak milik rumah lelong tersebut, sama ada hak milik pajakan ataupun hak milik kekal. Bagi status hak milik pajakan, semak dengan bank untuk mengetahui sama ada anda layak bagi memohon pinjaman perumahan ataupun tidak. Jika baki tempoh pajakan kurang dari 50 tahun, sesetengah bank mungkin tidak akan meluluskan permohonan pinjaman. Malah, jika pinjaman tersebut diluluskan, ia mungkin dikurangkan; jika anda layak untuk pinjaman 30 tahun, anda mungkin hanya menerima pinjaman 25 tahun sahaja.

Apabila sesebuah rumah dilelong, bank hanya akan mengambil jumlah tertunggak, dan bakinya akan dipulangkan kepada peminjam.

Sebagai contoh, rumah Ahmad dilelong pada harga RM1.4 juta. Tetapi, jumlah pinjaman tertunggak kepada bank hanya RM300,000. Jadi, selepas rumah dilelong, baki RM1.1 juta akan dipulangkan kepada Ahmad kerana bank hanya akan menuntut baki tertunggak itu sahaja.

Bagi mereka yang berpengalaman dalam membeli hartanah, sama ada yang baru, *sub-sale*, ataupun rumah yang dilelong, telah biasa menghadapi beberapa risiko seperti yang dinyatakan di atas. Jadi, dapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan supaya anda benar-benar bersedia sebelum membuat pembelian melalui rumah lelong.

Sumber: Comparehero

Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7873 0636
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملىسيا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

10 Langkah Untuk Menyertai Pembidaan Rumah Lelong



1 **Kenal pasti rumah yang bakal dibeli –** Anda boleh mengenal pasti rumah-rumah yang dilelong di laman sesawang seperti *lelongtips.com.my* dan *auctionlist.com.my*. Selain itu, maklumat rumah lelong juga diiklankan di akhbar.

2 **Buat kajian mengenai rumah tersebut –** Dapatkan pengisytiharan jualan dan dapatkan carian hak milik rumah tersebut. Ini akan membantu anda untuk mengetahui lokasi serta ciri-ciri rumah yang akan dilelong itu.

3 **Periksa rumah yang bakal dilelong –** Jangan hanya bergantung kepada huraian pada iklan sahaja! Pergi ke lokasi rumah yang bakal dilelong supaya anda mengetahui keadaan persekitaran rumah tersebut.



4 **Hubungi pelelong dan ejen jualan** untuk mendapatkan maklumat tambahan yang tidak terkandung dalam huraian dan iklan.

5 **Sediakan draf bank** dengan jumlah lebih kurang 10% daripada harga bidaan.



6 **Daftarkan diri untuk hari lelongan** dan dapatkan terma dan syarat jualan daripada pelelong. Kad bidaan dengan nombor akan diberi sebagai tanda pengenalan sewaktu proses lelongan.

7 **Baca terma dan syarat proses lelongan,** dan dapatkan pengesahan daripada pelelong sekiranya ada maklumat yang tidak jelas sebelum lelongan bermula.

8 **Bidaan bermula** sebaik sahaja pelelong membuat pengumuman. Pembida akan menggunakan kad mereka untuk membida (proses bidaan ini mungkin berbeza dari satu tempat ke tempat yang lain).

9 **Pembida yang berjaya** ialah pembida dengan harga tertinggi sewaktu proses pembidaan. Apabila pelelong mengetuk pemukul kayu (mallet), rumah tersebut telah dijual.

10 **Tandatangani kontrak jualan –** Pembida akan menerima kontrak yang telah dimeterai selepas semua proses selesai. Hubungi bank untuk proses pembiayaan.



Sumber: Comparehero

Instrumen Menyediakan WASIAT



Wasi / Penama: Melantik wasi / penama yang akan bertindak sebagai pentadbir dan bertanggungjawab untuk menguruskan pembahagian harta pusaka selepas kematian nanti sepertimana yang telah diwasiatkan.


Harta Sepencarian: Mengisytiharkan harta-harta sebagai hasil usaha sama dengan pasangan yang sah. Dengan mengisytiharkan harta sepencarian, si suami boleh mewariskan sebahagian harta secara terus kepada isteri (dan juga sebaliknya) tanpa perlu diagihkan melalui faraid.





Hibah : Memindah milik / menghadiahkan harta kepada mana-mana individu atau organisasi sama ada waris atau bukan waris. Dengan hibah, si pemilik harta boleh mewariskan harta kepada bukan waris, seperti anak angkat atau mana-mana waris yang dirasakan lebih memerlukan berbanding yang lain. Kebiasaannya, hibah diberikan atas dasar kasih-sayang.

Wasiat: Wasiat membolehkan si pemilik harta mewariskan harta kepada bukan waris atau waris tanpa melalui pembahagian faraid. Namun, jumlahnya terhad kepada nilai 1/3 harta sahaja dan perlu kepada persetujuan semua waris.





Amanah: Menyerahkan harta kepada pihak ketiga, iaitu pemegang amanah yang akan bertanggungjawab mengurus dan melindungi harta pusaka daripada tuntutan pihak lain. Sebagai contoh, mengamanahkan bendang sawah kepada persatuan, dan sebahagian hasilnya hendaklah diberi kepada waris-waris yang ditinggalkan.

Wakaf: Menginfaqkan harta pusaka yang ditinggalkan sebagai sumbangan ke arah jalan kebaikan dan kegunaan umum, contohnya mewakafkan tanah untuk dibina masjid. Wakaf berfungsi sebagai kesinambungan amalan selepas kematian. Sebaik-baiknya, jumlah harta yang diwakafkan tidak melebihi 1/3 nilai kesemua harta yang ditinggalkan.





Faraid: Kaedah pembahagian harta pusaka yang ditetapkan oleh hukum Islam. Faraid memastikan pembahagian yang adil dan saksama kepada semua waris yang ditinggalkan. Pecahan pembahagian bergantung kepada hubungan (anak lelaki, anak perempuan, isteri, ibu, bapa) dan bilangan waris yang masih ada.

Sumber: Jomurusduit.com



Kos Untuk Pembiayaan Anak-Anak

Bagi mereka yang baru menjalani hidup sebagai ibu bapa, pembiayaan untuk keperluan anak-anak merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam perbelanjaan keluarga. Oleh itu, belum lagi terlewat untuk membuat persediaan awal dengan merancang perbelanjaan bagi mengatasi kos sara hidup berkeluarga.

Berikut disenaraikan beberapa perbelanjaan yang anda perlu mengambil kira dalam perjalanan kehidupan berkeluarga.

Kos Bersalin

Para ibu yang bakal bersalin akan melalui beberapa proses serta jagaan yang rapi seperti:

a. ***Prenatal (antenatal)*** - pemeriksaan, prosedur perubatan, ujian serta makanan tambahan
b. ***Natal*** – Kelahiran
c. ***Postnatal*** – Penjagaan selepas kelahiran bagi ibu dan juga anak

Kadar caj yang sebenar bergantung kepada beberapa faktor, seperti kos kelas penempatan bilik hospital. Begitu juga jika anda ingin membuat rawatan di hospital swasta atau hospital kerajaan. Pilihan rawatan di hospital kerajaan akan melibatkan kos yang lebih rendah.

Berikut adalah beberapa perbezaan peruntukan bagi kos rawatan antara fasiliti di hospital swasta dan hospital kerajaan:

Jenis Fasiliti	Purata Kos Bagi Kelahiran Normal	Purata Kos Bagi Kelahiran Pembedahan
Swasta	RM4,000 – RM6,000	RM6,000 – RM20,000
Kerajaan	RM250 – RM700	RM500 – RM1,400

Sumber: LoanStreet

Kos anggaran di atas merangkumi kelahiran yang tidak rumit dengan perkhidmatan asas. Kos ini tidak termasuk caj bagi rawatan tambahan dan prosedur seperti pentadbiran *epidural* (ubat tahan sakit untuk para ibu bagi melahirkan anak) yang mungkin memakan kos sekitar RM1,000 untuk hospital swasta.

Dengan penjagaan rapi persendirian, anda mungkin akan dikenakan bayaran tambahan untuk perubatan bayi baru lahir dan yuran jururawat yang berjumlah RM1,000 hingga RM2,500.

Penjawat awam dan para pesara (merangkumi pasangan juga) mendapat manfaat daripada menggunakan rawatan di hospital kerajaan kerana mereka dikecualikan daripada yuran tertentu, seperti caj wad dan beberapa prosedur pranatal.

Bagaimana Saya Boleh Membayarnya?

1. Pembayaran Sendiri

Jika anda tidak membuat perancangan bagi perbelanjaan perubatan (termasuk mengandung) dan tidak mempunyai insurans, berkemungkinan juga anda perlu berdepan dengan kos hospital serta kelahiran (purata untuk kelahiran normal adalah 1 hingga 2 hari dan untuk kelahiran pembedahan *Caesarean* adalah 3 hingga 5 hari) menggunakan kewangan anda sendiri.

Anda mungkin dikehendaki membayar deposit yang bermula dari RM1,000 di kebanyakan hospital kerajaan dan sebanyak RM3,500 bagi hospital swasta.

2. Faedah Perlindungan Perubatan Syarikat

Ada syarikat yang menanggung bil rawatan untuk pekerja mereka. Namun begitu, perlindungan perubatan yang disediakan sesebuah syarikat, pada lazimnya, tidak merangkumi segala-galanya (atau keseluruhan),

terutama dalam hal kehamilan dan kelahiran yang berkaitan seperti yuran dan penjagaan bagi bayi baru lahir. Terdapat juga hospital swasta yang mengenakan terma dan syarat yang memerlukan anda membuat pembayaran terlebih dahulu dan membuat tuntutan kemudian. Oleh itu, anda perlu memeriksa bentuk rawatan yang dibiayai oleh syarikat tempat anda bekerja terlebih dahulu.

3. Insurans

Ini adalah pilihan yang terbaik untuk menyelesaikan bil-bil hospital. Untuk jumlah liputan perlindungan, anda perlu membeli polisi yang merangkumi perkara yang berkaitan dengan kehamilan. Walau bagaimanapun, polisi demikian biasanya dibeli oleh bakal para ibu (atau ia disertai dengan pelan perlindungan keluarga) sebelum kehamilan.

Ini adalah kerana kebanyakan polisi tidak membolehkan anda untuk membuat tuntutan (atau hanya sebahagiannya) sehingga berakhir tempoh menunggu, biasanya dari 8 bulan hingga 2 tahun.

Apakah Kos-Kos Lain Yang Terlibat?

Apabila anak anda semakin membesar, kos perbelanjaan hariannya turut meningkat. Walaupun ia adalah suatu kegembiraan untuk melihat bayi anda membesar, tanggungan kewangan anda juga bertambah. Berikut adalah beberapa perbelanjaan keluarga untuk seorang kanak-kanak berumur daripada 0-6 tahun seperti di bawah:

a. Makanan Serta Bekalan

Pada peringkat awal, anda mungkin selesa dengan hadiah-hadiah yang diterima dari segi pemakaian dan makanan, terutamanya jika anda mempunyai ramai sanak saudara dan juga kawan-kawan yang sanggup membantu anda. Tetapi tidak lama kemudian, anda perlu membuat persediaan awal untuk menjaga rapi kewangan anak anda serta perbelanjaan bermula daripada pakaian hingga kepada alat-alat permainan mereka. Pertimbangkan beberapa senarai di bawah bagi keperluan anak anda dan berapa banyak kos diperlukan:

Untuk Dibeli Setiap Bulan	Kos Anggaran
Makanan dan Susu	RM 450
Makanan Tambahan	RM 75
Pemakaian / Lampin	RM 150
Barang-Barang Kebersihan	RM 40
Jumlah	**RM 715**

Sumber: LoanStreet

Untuk Dibeli Setiap Sekali atau Kadang-Kadang	Kos Anggaran
Peralatan Tempat Tidur / Buaian / Tilam	RM 600
Peralatan Identiti Kanak-Kanak	RM 500
Strollers	RM 200
Bermain / Pembelajaran / Hiburan (mainan dan buku)	RM 100
Peralatan Makanan	RM 60
Jumlah	**RM 1,460**

Sumber: LoanStreet

b. Pengasuhan / Nurseri

Apabila kedua-dua pasangan bekerja, salah seorang dari pasangan tersebut harus berfikir siapa yang harus menjaga anak mereka.

Pada masa ini, secara purata yuran bulanan untuk pengasuh berlesen bermula dari RM750 ke RM1,500, dan kemudian biasanya termasuk aktiviti-aktiviti pengajaran dan pendidikan. Pengasuh bayi yang berasal dari pinggir dan luar bandar akan mengenakan caj kurang daripada mereka yang menetap di bandar.

c. Perlindungan Insurans / Takaful / Pelan Simpanan

Sekiranya anda mempunyai perlindungan insurans / takaful serta pelan simpanan, anda dapat memberikan kemudahan pendidikan untuk anak-anak dengan lebih baik. Perlindungan insurans / takaful dan wang simpanan dapat mengurangkan bebanan kewangan anda untuk menampung perbelanjaan anak-anak.

Kesimpulannya

Seperti yang telah dinyatakan, perbelanjaan awal anda bermula dari pemeriksaan pra-bersalin hingga melahirkan anak, boleh menelan kos yang tinggi yang memungkinkan anda perlu mempunyai insurans / takaful perubatan untuk menampung perbelanjaan tersebut. Selain itu, anda juga perlu bersedia dari segi kewangan bagi perkara-perkara yang tidak dilindungi insurans / takaful seperti keperluan serta bekalan buat anak anda. Mempunyai kewangan yang kukuh akan membuatkan anda sentiasa bersedia bagi membina keluarga yang sempurna tanpa perlu bimbang tentang masalah kewangan kelak.

Sumber: www.loanstreet.com.my

Kesilapan Dalam Pelaburan Yang Perlu Dielak



Orang sering berkata `Belajar daripada kesilapan yang lalu'. Oleh itu, semua pelabur tidak kira yang berpengalaman atau sebaliknya, akan cuba sedaya upaya untuk tidak melakukan sebarang kesilapan dalam pelaburan dengan mendapatkan sebanyak mungkin maklumat sebelum mula melabur! Cara yang terbaik ialah dengan mengenal pasti kesilapan yang mungkin dilakukan dan mencari cara yang terbaik untuk mengelakkan daripada berlaku kesilapan. Berikut adalah beberapa kesilapan dalam pelaburan yang harus dielakkan:

1. Melabur tanpa membuat perancangan

Setiap portfolio pelaburan perlu memiliki strategi asas berdasarkan matlamat kewangan yang ingin dicapai. Malangnya, ramai yang melabur hanya berdasarkan trend dan khabar angin. Ada juga yang melabur ribuan ringgit dalam saham kerana pengaruh rakan-rakan. Anda perlu membuat perancangan dan tahu apa yang hendak dicapai.

Langkah 1A: Matlamat kewangan perlulah boleh diukur

Matlamat jangka pendek	Matlamat jangka panjang
Membayar deposit rumah dalam tempoh 3 tahun	Bersara dalam tempoh 30 tahun
RM50,000	**RM1 juta**

Langkah 1B: Nilai tahap toleransi risiko anda

Umur	Jumlah perolehan masa depan	Tempoh masa
Lebih muda usia anda, lebih tinggi tahap toleransi risiko	Potensi bagi mendapatkan perolehan yang lebih tinggi pada masa depan akan meningkatkan toleransi risiko anda	Sekiranya anda mempunyai anak, toleransi risiko anda mungkin menjadi lebih rendah

Langkah 1C: Pelbagaikan portfolio pelaburan anda berdasarkan tahap toleransi risiko

Portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terdiri daripada beberapa kategori pelaburan, atau dipanggil kumpulan aset. Setiap kumpulan aset boleh dipelbagaikan lagi. Sebagai contoh, salah satu daripada kumpulan aset anda mungkin terdiri daripada saham dan ia boleh dipelbagaikan lagi dengan melabur dalam saham daripada industri yang berbeza. Dengan cara ini anda dapat mengagihkan risiko pelaburan anda kepada aset kelas yang berbeza.

2. Tidak membuat penyelidikan

Elakkan melabur dalam sesuatu yang anda tidak faham. Namun, jangan jadikan ini sebagai sebab untuk anda tidak melabur. Ambil masa untuk mempelajari pelaburan yang anda rasa berpotensi dan cuba fahami bagaimana ia berfungsi. Baca mengenai pelaburan tertentu yang anda minat sebelum membuat sebarang pelaburan. Anda juga boleh mendapatkan bantuan profesional dengan melantik penasihat kewangan untuk membantu merancang portfolio pelaburan. Namun begitu, anda hendaklah sentiasa ambil tahu mengenai portfolio dan fahami perancangan pelaburan anda.

Berikut adalah laman sesawang yang boleh anda rujuk sebelum memulakan pelaburan:

- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)
- Bursa Malaysia
- InvestSmart

"Anda perlu membuat penyelidikan sebelum memulakan pelaburan. Tetapi, mempercayai apa yang dibaca tanpa usul periksa juga agak berisiko. Apa jua bahan bacaan yang digunakan dalam membuat kajian sepatutnya dijadikan sebagai panduan asas sahaja."



3. Tidak memahami pelaburan anda

Anda perlu membuat penyelidikan sebelum memulakan pelaburan. Tetapi, mempercayai apa yang dibaca tanpa usul periksa juga agak berisiko.

Apa jua bahan bacaan yang digunakan dalam membuat kajian sepatutnya dijadikan sebagai panduan asas sahaja. Setiap orang mempunyai matlamat kewangan dan perancangan pelaburan. Tidak ada panduan pelaburan yang sesuai untuk semua orang, jangan percaya sepenuhnya tanpa membuat rujukan terlebih dahulu. Ingat, jadikan bahan bacaan tersebut sebagai sumber rujukan sahaja! Bahagian yang paling penting dalam membuat penyelidikan bukanlah mengingati segala maklumat yang dibaca, tetapi memahami bagaimana maklumat tersebut boleh digunakan dalam membuat perancangan pelaburan.

Dokumen-dokumen berikut dapat membantu anda untuk lebih memahami pelaburan-pelaburan yang ingin diceburi:

Prospektus Syarikat	Laporan Tahunan Syarikat
• Objektif pelaburan • Strategi pelaburan • Faktor Risiko • Prestasi kewangan (mana yang terpakai) • Yuran dan caj	Ketahui prestasi tahun sebelumnya melalui penyata kewangan: • Kunci kira-kira • Penyata pendapatan • Perubahan dalam ekuiti • Polisi perakaunan • Nota-nota penjelasan

4. Membiarkan ketamakan menguasai diri

Mendapat pulangan pelaburan adalah sesuatu yang menyeronokkan. Ia membuatkan anda rasa teruja dan lebih yakin untuk melabur lebih banyak wang. Kadangkala keseronokan yang dirasai akan mempengaruhi pertimbangan anda dan tanpa disedari ketamakan telah menguasai diri. Membiarkan emosi menguasai keputusan boleh menyebabkan anda mengalami kerugian dalam pelaburan. Walaupun ramai yang menyedari perkara ini (secara teorinya), namun ia masih berlaku lebih-lebih lagi ketika pasaran saham sedang naik. Pelabur seakan-akan hilang pertimbangan dan membuat tawaran tidak masuk akal untuk saham dengan harga yang tidak berbaloi.

Bagi memastikan sesuatu pelaburan itu bertahan lama, anda perlu berfikir panjang kerana pelaburan bukanlah suatu skim cepat kaya. Jadikan objektif kewangan, tempoh masa yang ditetapkan serta toleransi risiko anda menjadi perisai daripada membuat keputusan yang tidak rasional. Disiplinkan diri!

5. Mendengar khabar angin

Bayangkan anda baru sahaja mendapat tahu daripada seorang kenalan di kedai kopi, iaitu dia juga diberitahu oleh seorang rakan lain, mengenai Syarikat X yang bakal bergabung dengan Syarikat Y. Lantas harga saham kedua-dua syarikat tersebut akan melambung dalam masa beberapa minggu seterusnya. Adakah anda akan membuat keputusan pelaburan berdasarkan maklumat ini?

Kadangkala kita terpedaya dengan sesuatu yang dikatakan 'tip panas'. Seperti yang diketahui, maklumat sebegini mungkin adakalanya benar, tetapi selalunya tidak berasas. Seandainya maklumat ini tidak benar, anda mungkin akan mengalami kerugian ribuan ringgit.

Jangan terpedaya dengan tip-tip yang tidak berasas. Berpegang teguh dengan perancangan anda dan matlamat pelaburan boleh dicapai.

6. Berlengah-lengah

"Saya masih muda untuk menyimpan dan melabur untuk masa persaraan", "Saya perlu simpan sejumlah wang dahulu sebelum boleh mula melabur", "Saya akan tunggu harga saham naik atau turun sebelum mula bertindak".

Adakah ungkapan ini biasa didengari? Ini adalah antara alasan-alasan yang diberikan untuk bertangguh dalam memulakan pelaburan.

Kadangkala mungkin alasan-alasan sebegini boleh diterima, tetapi selalunya tidak boleh diterima kerana ia hanyalah alasan yang sering diberikan untuk bertangguh dalam memulakan pelaburan. Kenapa? Kerana takut gagal dan kehilangan wang. Apabila menyentuh mengenai pelaburan, lebih awal anda bermula, lebih tinggi peluang anda untuk mendapat pulangan. Jangan ambil mudah kos melepas yang akan ditanggung kerana menangguhkan keputusan untuk memulakan pelaburan.

Kesimpulan

Bagi orang yang tidak biasa, melabur mungkin sesuatu yang menggusarkan. Walau bagaimanapun, setelah mengetahui dan memahami apa yang bakal dihadapi (dan mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan yang dinyatakan), anda sebenarnya sudah berada di landasan yang betul. Ingat, sentiasa bersedia dengan maklumat yang sahih sebelum membuat sebarang keputusan dalam pelaburan. Jangan bergantung kepada nasib sahaja, sebaliknya dapatkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan!

© Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menafikan semua waranti, sama ada melalui sebutan ataupun yang terimplikasi, termasuk waranti tanpa limitasi bagi ketepatannya, kelengkapannya atau kandungan maklumat yang menjadi sebahagian daripada laman web ini. Anda dinasihatkan merujuk pada pakar yang berkaitan seperti perancang kewangan bertauliah, jururunding pencukaian, penasihat pelaburan dan peguam bagi nasihat terperinci. Untuk maklumat lanjut mengenai penyiaran semula kandungan ini, sila e-mel: admin@investsmartsc.my.



"Setiap orang mempunyai matlamat kewangan dan perancangan pelaburan. Tidak ada panduan pelaburan yang sesuai untuk semua orang, jangan percaya sepenuhnya tanpa membuat rujukan terlebih dahulu."

ADAKAH ANDA MANGSA KEJADIAN BANJIR BARU-BARU INI?



Pelbagai bantuan yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan bagi meringankan beban individu dan perniagaan yang terjejas akibat bencana banjir:

BANTUAN OLEH INSTITUSI PERBANKAN

> Penangguhan bayaran balik pinjaman dan pembiayaan
> Penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman dan pembiayaan
> Pelepasan bayaran untuk penggantian kad-kad pembayaran (Kad ATM, kredit, debit)
> Permohonan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil *(Small Debt Resolution Scheme)* untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menghadapi masalah kewangan akibat bajir

***Tertakluk kepada syarat-syarat perbankan**

BANTUAN OLEH SYARIKAT INSURANS & PENGENDALI TAKAFUL

> Menyegera proses tuntutan dengan memberi fleksibiliti terhadap pelepasan dokumen yang musnah akibat banjir
> Fleksibiliti untuk bayaran premium
> Mengurangkan atau melepaskan faedah ke atas pinjaman polisi dan Pinjaman Premium Automatik (APL)
> Pengecualian bayaran untuk penggantian polisi dan kad-kad perubatan

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

The Association of Banks in Malaysia (ABM): 1300-88-9980
Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (ABIM): 03-2026 8002
Association of Development Financial Institution of Malaysia (ADFIM): 03-2694 9871
Life Insurance Association of Malaysia (LIAM): 03-2691 6168
Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM): 03-2274 7399
Malaysian Takaful Association (MTA): 03-2031 8160

KEMUDAHAN BANTUAN BENCANA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pembiayaan untuk Membangun Semula Perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

yang terjejas
AKIBAT BANJIR



Ciri-ciri Utama

- Kadar pembiayaan efektif 2.25% setahun
- Jumlah pembiayaan maksimum RM500,000
- Tempoh pembiayaan sehingga 5 tahun

Institusi kewangan peserta

- **Semua bank perdagangan dan bank Islam**
- Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat);
- Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)

Permohonan boleh dibuat sehingg 31 Mei 2018

Untuk maklumat lanjut

Hubungi **BNMTELELINK**
1-300-88-5465

Faksimile **03-2174 1515**
E-mel **bnmtelelink@bnm.gov.my**